

Rugi RM1b

Nelayan asing ceroboh perairan negara

KUALA LUMPUR: Industri perikanan negara mengalami kerugian sekitar RMI bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Johari Baharom.

Beliau berkata, walaupun kerugian sebenar akibat tindakan itu tidak diketahui dengan tepat, jumlah yang dinyatakan adalah berdasarkan rekod dan pemerhatian Jabatan Perikanan serta laporan nelayan tempatan.

Bagi mengatasi isu pencerobohan nelayan asing, kerajaan mempertingkatkan pengawasan di laut dan udara dengan pembabitkan pelbagai agensi penguatkuasaan maritim negara, katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Ahmad Hamzah (BN-Jasin) mengenai jumlah kerugian industri perikanan negara akibat penangkapan ikan secara haram kapal nelayan asing tidak berdaftar.

Katanya, selain operasi bersama membabitkan agensi penguatkuasaan yang dijalankan empat kali setahun, kement-



MOHD JOHARI...tingkat pengawasan

rian bekerjasama dengan pihak yang mengendalikan pelantar minyak dan nelayan tempatan mendapatkan maklumat mengenai pencerobohan kapal nelayan asing.

Beliau berkata, antara bentuk pencegahan Jabatan Taman Laut Malaysia mengawal pulau yang diwarta Taman Laut, antaranya ialah menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan bot menangkap ikan serta melarang penggunaan senapang angin, serampang dan kelengkapan melembing ikan.